



يَايَاسَنُ مُسْلِمِينُ

YAYASAN MUSLIMIN

PROFIL

YAYASAN MUSLIMIN MALAYSIA BERHAD

199101009888 (220200-K)

YAYASAN MUSLIMIN

LHDN: 1/35/42/51/179-6.3976



website



facebook

“Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkanmuka ke pihak timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah SWT, dan hari akhirat, dan segala malaikat, dan segala Kitab, dan skalian Nabi; dan mendermanya seseorang akan hartanya sedang ia menyayanginya, kepada kaum kerabat, dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan orang yang terlantar dalam perjalanan, dan kepada orang-orang yang meminta, dan untuk memerdekakan hamba-hamba abdi; dan mengerjanya seseorang akan sembahyang serta mengeluarkan zakat; dan perbuatan orang-orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka membuat perjanjian; dan ketabahan orang-orang yang sabar dalam masa kesempitan, dan dalam masa kesakitan, dan juga dalam masa bertempur dalam perjuangan perang Sabil. Orang-orang yang demikian sifatnya, mereka itulah orang-orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebajikan); dan mereka itulah juga orang-orang yang bertaqwa.

..... Maksud Surah al-Baqarah, ayat: 177

Kandungan

Pendahuluan - 4

Sejarah Penubuhan - 5

Pendaftaran Syarikat - 6

Kelulusan Pengecualian Cukai LHDN - 7

Maklumat Organisasi - 9

Ahli Lembaga Pemegang Amanah - 10

Yayasan Muslimin Sepintas Lalu - 12

Hasrat Dan Matlamat - 13

Program Dan Aktiviti - 14

- Program Dakwah - 16
- Program Pendidikan - 17
- Program Kebajikan Sosial - 18
- Program Kegiatan Ekonomi - 19

Rakan Kerjasama Dan Rakan Amal - 20



website



facebook

Pendahuluan

Sejarah tamadun Islam banyak mencatatkan kejayaan umat Islam membentuk institusi-institusi ummah dalam usaha memartabat dan merealisasikan Islam sebagai satu sistem hidup menyeluruh yang berpaksikan keimanan kepada Allah SWT. Institusi-institusi yang diwujudkan itu merangkumi pelbagai bidang dalam kehidupan manusia. Antaranya ialah institusi baitulmal yang wujud pada awal pemerintahan Kerajaan Islam di al-Madinatul Munawwarah. Institusi tersebut menjadi contoh terbaik kepada umat Islam dalam pengurusan dan pembangunan ekonomi ummah termasuk urusan waqaf, sadaqah dan zakat. Pada zaman pemerintahan Kerajaan Islam Fatimiyyah di Mesir pula, institusi pendidikan yang terkenal iaitu Universiti al-Azhar dibina atas sumbangan waqaf dan bantuan daripada kerajaan sendiri.

Perkembangan institusi berasaskan waqaf di negara Malaysia juga telah lama berkembang. Kebanyakan masjid, surau dan pusat pengajian agama ditubuhkan melalui sumber waqaf, sadaqah dan zakat. Sejak kebelakangan ini umat Islam telah memberikan perhatian tentang pengurusan institusi tersebut agar lebih cekap dan berkesan. Lantaran itu usaha gigih perlu digerakkan untuk mendapatkan sokongan masyarakat melalui program dakwah dan pendidikan, kebajikan masyarakat, dan kegiatan ekonomi. Semangat pengorbanan yang tinggi dan jihad yang berterusan bagi meneruskan kegemilangan institusi tersebut perlu digembeling dan digerakkan dengan cara yang lebih profesional.

Atas landasan itu Yayasan Muslimin Malaysia Berhad ditubuhkan bagi mendidik dan mengajak umat Islam khususnya di Malaysia untuk bersama-sama berjuang membina semula institusi ummah bagi menjana kegemilangannya untuk mendapat keredaan Allah SWT.

Sejarah Penubuhan

Penubuhan Yayasan Muslimin Malaysia Berhad (YMMB) telah diusahakan oleh sebahagian Anggota Lembaga Koperasi Muslimin Malaysia Berhad (Koperasi) pada tahun 1990. Pada ketika itu, perkembangan Koperasi sangat menggalakkan dengan kemasukan lebih 10,000 anggota baru. Usaha untuk memberi kefahaman tentang muamalat patuh syariat Islam kepada anggotanya melalui pendidikan memberikan satu cabaran besar kepada Koperasi. Justeru, Anggota Lembaga Koperasi pada ketika itu memikirkan keperluan penubuhan sebuah Yayasan bagi melaksanakan tuntutan tersebut.

Maka pada 4 Julai 1991, tertubuhlah YMMB (220200-K) dengan rasminya melalui Pendaftar Syarikat di bawah Akta 1965, sebagai sebuah syarikat berhad menurut jaminan (bukan untuk keuntungan – *Non Profit Company*). YMMB pada peringkat awal penubuhannya, bergerak atas sumbangan dana yang diperolehi daripada anggota Koperasi yang menyumbang secara tetap melalui caruman bulanan minima RM2.00 setiap seorang. Tanggungjawab utama YMMB pada ketika itu ialah untuk mengelolakan urusan pendidikan muamalat Islam khusus kepada anggota Koperasi. Ahli Lembaga Pemegang Amanah (ALPA) yang pertama menerajui YMMB ialah;

- i. Tan Sri Dr. Abdul Hamid bin Haji Othman (almarhum);
- ii. Tn. Hj. Ghazali @ Mohamad Remali bin Haji Abd Hamid;
- iii. Tn. Hj. Mohd Noor bin Mohd Yusof (almarhum); dan
- iv. Tn. Hj. Us. Mohd Ramli bin Nikman.

Selain keutamaannya berfungsi untuk ahli Koperasi, YMMB juga berperanan sebagai sebuah badan bebas yang melaksanakan kegiatan 'kebajikan untuk masyarakat' melalui kutipan dana awam. Keluasan skop aktiviti YMMB itu membolehkannya menyantuni golongan yang memerlukan bantuan. Masih ramai daripada kalangan anggota masyarakat yang memerlukan bantuan kebajikan walau banyak organisasi yang mengelolakannya.

Bagi tujuan mendapatkan sumbangan dana awam untuk melaksanakan aktivitinya, ALPA YMMB ketika itu telah berurusan dengan Jabatan Hasil Dalam Negeri (JHDN) bagi membolehkan resit pengecualian cukai dikeluarkan kepada para penderma. Pada 3 Julai 1992 pihak JHDN melalui suratnya (JHDN. 01/35/42/51/179-6.3976) telah meluluskan sebuah '**Tabung Amanah**' yang dikenali sebagai YAYASAN MUSLIMIN untuk mengeluarkan resit pelepasan cukai kepada penderma di bawah Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Bermula ketika itu, YMMB dan Tabung Amanah tersebut dikenali sebagai '**YAYASAN MUSLIMIN**'.

Pendaftaran Syarikat



PEJABAT PENDAFTAR SYARIKAT
(Registry of Companies)
MALAYSIA

BORANG 8
AKTA SYARIKAT 1965
[Seksyen 16 (4)]

No. Syarikat

| | |
|--------|---|
| 220200 | K |
|--------|---|


PERAKUAN PEMERBADANAN SYARIKAT AWAM


Ini adalah untuk memperakui bahawa

YAYASAN MUSLIMIN MALAYSIA BERHAD

telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965, pada dan
mulai dari 04 haribulan Julai, 1991, dan bahawa
syarikat ini adalah sebuah syarikat berhad menurut
jaminan.

Diberi di bawah tandatangan dan meterai saya di Kuala Lumpur
pada 04 haribulan Julai, 1991.




(RAJA HABIBAH BTE RAJA SAIDIN)
Penolong Pendaftar Syarikat
Malaysia

[Borang ini diterjemahkan oleh Peguam Negara, Malaysia menurut Pemberitahu Undangan No. 12 tahun 1964; PN (SBK) 23 Pt. 11, P.S. 7/81 Jld. 2].

Kelulusan Pengecualian Cukai LHDN

HASIL DALAM NEGERI, MALAYSIA,
IBU PEJABAT, BLOK 11, TINGKAT 15,
KOMPLEKS BANGUNAN KERAJAAN,
JALAN DUTA, 50600 KUALA LUMPUR. Tel: KL.2540066/2547055.

Setiusaha Yayasan Muslimin, Rujukan-Tuan:
No. Jalan Samkia, Rujukan Kami: JHDN./01/35/42/51/179-6-3976
Islamic City, Off Jalan Pahang, (Sila catatkan nombor rujukan kami apabila
berhubung)
53000 Kuala Lumpur. Tarikh: 17 DEC 1992

Tuan,

Pelepasan Cukai Pendapatan Di Bawah Seksyen 44(6)
Akta Cukai Pendapatan, 1967
Yayasan Muslimin

DITERIMA
26 DEC 1992
KOPERASI MUSLIMIN
MALAYSIA KEHAD

Saya merujuk kepada surat bertarikh 18 Ogos 1992 yang memberi kelulusan kepada pertubuhan/tabung tersebut di atas sebagai satu pertubuhan bagi tujuan-tujuan Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan, 1967 berkuatkuasa mulai 3 Julai 1992

2. Bersama-sama ini saya kepilkan satu salinan Warta Kerajaan bilangan 9001 bertarikh 24 September 1992 Bilangan dan tarikh Warta ini serta nombor rujukan kami hendaklah dinyatakan pada tiap-tiap resit rasmi yang dikeluarkan kepada semua penderma.

3. Derna-derna wang kepada pertubuhan/tabung tersebut boleh dibenarkan sebagai satu potongan dalam pengiraan jumlah pendapatan penderma-penderma. Perakaunan yang lengkap bagi pertubuhan/tabung itu hendaklah disimpan dan pastikan hanya perbelanjaan yang benar-benar bersangkutan dengan tujuan-tujuannya sahaja dikenakan pada kira-kira tersebut.

4. Satu salinan Penyata Kira-Kira Tahunan yang diaudit oleh Juruaudit Awan bertauliah serta satu salinan senarai Pemegang-Pemegang Jawatan bagi pertubuhan/tabung (jika ada perubahan) yang menunjukkan nama, alamat terakhir, nombor kad pengenalan, pekerjaan dan jawatan di dalam pertubuhan/tabung hendaklah dihantar ke Ibu Pejabat ini (nyatakan nombor rujukan kami) selawat-awatnya dua bulan selepas akhir tahun kewangan bagi pertubuhan/tabung tersebut.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGERA "

" CINTAILAH BAHASA KITA "

Saya yang menurut perintah,

(ROZINA BT. SHAH OSMAN MERICAN)

Unit 35, Bahagian Teknikal,
b.p. Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
MALAYSIA.

(JHDN.01/35/42/51/179-6-3976).

TAN SRI DATO' ASU BAKAR BIN MOHD. NOOR,
Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Malaysia

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

(Seksyen 44(6))

INCOME TAX ACT 1967

(Section 44(6))

No. 9001:

YAYASAN-YAYASAN ATAU PERTUBUHAN-PERTUBUHAN YANG DILULUSKAN
APPROVED INSTITUTIONS OR ORGANISATIONS

Adalah dengan ini diberitahu untuk permakluman umum bahawa saya telah meluluskan yang berikut sebagai yayasan-yayasan atau pertubuhan-pertubuhan bagi maksud-maksud seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967, mulai tarikh yang ditunjukkan itu:

- (1) Institut Kajian Dasar mulai dari 17-12-86.
(JHDN. 01/35/42/51/179-6.3449).
- (2) Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Terengganu (PERKAYA) mulai dari 6-3-92.
(JHDN. 01/35/42/51/179-6.3305).
- (3) Tabung Rumah Kebajikan Anbu Iliam, Cheras Kuala Lumpur mulai dari 1-7-92.
(JHDN. 01/35/42/51/179-6.3880).
- (4) Tabung Pembinaan S.R.J.K. (C) Sungai Way, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan mulai dari 1-3-92 hingga 28-2-95.
(JHDN. 01/35/42/51/179-6.3973).
- (5) Tabung Pembinaan S.R.K. Ho Seng Ong (Methodist) Taman Canning, Ipoh, Perak Darul Ridzuan mulai dari 10-3-92 hingga 9-3-95.
(JHDN. 01/35/42/51/179-6.4023).
- (6) Ibrahim Hussein Museum & Cultural Foundation mulai dari 21-10-91.
(JHDN. 01/35/42/51/179-6.3968).
- (7) Yayasan Muslimin mulai dari 3-7-92.
(JHDN. 01/35/42/51/179-6.3976).

TAN SRI DATO' ABU BAKAR BIN MOHD. NOOR,
Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Malaysia

It is hereby notified for general information that I have approved the following institutions or organisations for the purposes of section 44 (6) of the Income Tax Act 1967, with effect from the date shown:

- (1) Institut Kajian Dasar w.e.f. 17-12-86.
(JHDN. 01/35/42/51/179-6.3449).
- (2) Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Terengganu (PERKAYA) w.e.f. 6-3-92.
(JHDN. 01/35/42/51/179-6.3305).
- (3) Tabung Rumah Kebajikan Anbu Iliam, Cheras Kuala Lumpur w.e.f. 1-7-92.
(JHDN. 01/35/42/51/179-6.3880).
- (4) Tabung Pembinaan S.R.J.K. (C) Sungai Way, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan w.e.f. 1-3-92 until 28-2-95.
(JHDN. 01/35/42/51/179-6.3973).
- (5) Tabung Pembinaan S.R.K. Ho Seng Ong (Methodist) Taman Canning, Ipoh, Perak Darul Ridzuan w.e.f. 10-3-92 until 9-3-95.
(JHDN. 01/35/42/51/179-6.4023).
- (6) Ibrahim Hussein Museum & Cultural Foundation w.e.f. 21-10-91.
(JHDN. 01/35/42/51/179-6.3968).
- (7) Yayasan Muslimin w.e.f. 3-7-92.
(JHDN. 01/35/42/51/179-6.3976).

TAN SRI DATO' ABU BAKAR BIN MOHD. NOOR,
Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Malaysia

Maklumat Organisasi

Pejabat Urusan

Yayasan Muslimin Malaysia Berhad
11C, Jalan SG 3/17, Pusat Bandar Taman Sri Gombak,
68100 Batu Caves, SELANGOR.

Setiausaha Syarikat

Double Hope Management Services Sdn. Bhd.
No. A12, B-1, Jalan Selaman 1,
Dataran Palma,
68000 Ampang Jaya. SELANGOR

Juruaudit & Penasihat Percukaian

Afrizan Tarmili Khairul Azhar
No. 2, Jalan Rampai Niaga 2,
Rampai Business Park,
53300 Kuala Lumpur.

Bank

Bank Islam Malaysia Berhad : 1404 1010 0221 24
Bank Muamalat Malaysia Berhad : 1403-0002399-71-9

Pendaftaran Syarikat

Yayasan Muslimin Malaysia Berhad
199101009888 (220200-K)

Kelulusan LHDN

Yayasan Muslimin (Tabung Amanah)
(LHDN : 01/35/42/51/179-6.3976)

Untuk Berhubungan

Tel : 03-6188 4064
: 03-6178 5064
Emel : ymmb2u@yahoo.com.my
Web : www.yayasanmuslimin.org
Facebook : Yayasan Muslimin
WhatsApp: 011 6469 5277

Ahli Lembaga Pemegang Amanah YMMB



PENGERUSI
Ustaz Abd Rahman Bin Md Hassan

SETIAUSAHA SYARIKAT

TABUNG AMANAH



TIMBALAN PENERUSI
Prof. Madya Dr. Nurazmallail Bin Marni



AHLI
Ustaz Abd Halid Bin Sintol



AHLI
Haji Muhammad Puzi Bin Ahmat



AHLI
Ustaz Khairulddin Bin Ghazali



AHLI
Encik Mohd Aliff Bin Mohd Razuki




AHLI
Ustazah Kamariah Binti Husin



AHLI
Ustazah Sa'adah Binti Othman

Ahli Lembaga Pemegang Amanah Tabung Amanah



Yayasan Muslimin Sepintas Lalu

Yayasan Muslimin mempunyai seramai 49 orang ahli tetap. Beberapa orang daripadanya dilantik sebagai Ahli Lembaga Pemegang Amanah (ALPA) yang bertanggungjawab mengawal selia perjalanan Yayasan Muslimin. Manakala bagi menggerakkan aktiviti-aktivitinya, tenaga relawan sama ada individu mahupun melalui pertubuhan dilibatkan bersama. Yayasan Muslimin dibantu oleh 3 orang kakitangan yang menguruskan operasi pentadbiran pejabat.

Bagi tempuh satu dekad yang lalu, Yayasan Muslimin telah menerima sumbangan dana sebanyak RM4.5 juta daripada pelbagai sumber termasuk agensi kerajaan, badan korporat dan juga orang awam. Dana yang terkumpul telah digunakan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti dakwah orang asli; aktiviti pendidikan dengan penganjuran kelas pengajian al-quran dan muamalat; aktiviti menyantuni mereka yang memerlukan seperti anak-anak yatim, rumah kebajikan warga emas, golongan asnaf; dan penerbitan untuk sebaran ilmu kepada masyarakat.

Yayasan Muslimin bekerjasama dengan rakan-rakan amal lain bagi melaksanakan aktiviti-aktivitinya sama ada dalam negara mahupun luar negara. Melalui kerjasama tersebut organisasi terlibat dapat berkongsi pengalaman dan kemahiran, serta menjalin persahabatan untuk berganding bahu membantu mereka yang memerlukan.

Bagi memastikan pengelolaan aktiviti-aktivitinya lebih teratur, Yayasan Muslimin menyusun programnya mengikut kluster berikut;

- Program Dakwah;
- Program Pendidikan;
- Program Kebajikan;
- Program Ekonomi; dan
- Misi Kemanusiaan.


Hasrat Dan Matlamat

Hasrat

Untuk meneguhkan semula ruh institusi waqaf, sadaqah dan zakat yang dituntut oleh Islam bagi meningkatkan pembangunan dalam bidang sosio-ekonomi dan pendidikan umat Islam. Kewujudannya dapat membuka peluang yang lebih luas kepada masyarakat memberi sumbangan untuk tujuan amal kepada perkembangan, kemajuan dan pembangunan Islam serta ummah.

Matlamat

1. Untuk memenuhi dan menyempurnakan perintah Allah SWT supaya melakukan infaq fisabilillah. Allah SWT menjanjikan kejayaan, pemilikan, keberkatan dan keampunan kepada hamba yang melakukan infaq pada jalan-Nya dan kebajikan kepada sesama manusia.
2. Untuk membangunkan sosio-ekonomi umat Islam melalui konsep kerjasama (ta'awun), pengorbanan (tadhiyah) dan tanggungjawab bersama. Umat Islam mesti membina kekuatannya sendiri.
3. Untuk memberi kemudahan kepada orang Islam yang diamanahkan dengan nikmat dan kekayaan supaya mengembang dan mengekalkan nikmat dan kekayaan itu melalui sedekah jariah, waqaf, khairat dan sebagainya. Harta yang kekal ialah harta yang dibelanjakan pada jalan Allah SWT.
4. Untuk memberi ruang dan kesempatan kepada muslimin atau muslimat, individu atau koperat untuk melakukan infaq harta yang diamanahkan sebagai satu jihad harta (amwal).
5. Untuk mengurus guna harta-harta pemberian umat Islam dengan teliti, sistematik, penuh amanah dan berkesan supaya kebajikan dan manfaatnya dapat diperluaskan dan memberi penyelesaian terhadap permasalahan ummah.



Program Dan Aktiviti

Aktiviti-aktiviti yang dirancang dilaksanakan dibawah program-program dakwah, pendidikan, kebajikan dan pembangunan sosio-ekonomi ummah. Yayasan Mulimin bekerjasama dengan NGO atau rakan amal lain dalam usaha memastikan aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya.



Program Dakwah

Aktiviti Bersama Orang Asli

Untuk mendekati masyarakat orang asli yang sering dikatakan tertinggal dalam arus perdana, Yayasan Muslimin mengambil langkah untuk menyantuni mereka melalui beberapa aktiviti seperti:

- Menganjurkan Ziarah Mahabbah (2 tahun sekali) bersama PERKIM dan NGO lain.
- Membantu Penggerak Masyarakat / Guru Pembimbing Agama mengendalikan Kelas Fardhu 'Ain kepada anak-anak orang asli.
- Mengadakan Kelas Bimbingan Imam dan Bilal dengan kerjasama Jariah Fund, Bank Muamalat Malaysia Berhad.
- Agihan daging korban bersama Persatuan Belia Masjid Selangor.



Program Pendidikan

Aktiviti Bersama Pusat-pusat Tahfiz

Yayasan Muslimin melibatkan diri dalam mengatur beberapa kelas bimbingan pengajian al-Quran, kursus bagi masyarakat umum, dan seumpamanya sebagai satu peranan yang perlu dimainkan bagi memenuhi keperluan masyarakat, antaranya:

- Membantu Maahad Al-Tahfiz Wa Al-Dirasaat Al-Islamiyyah, Taman Darul Hikmah, Kampung Padang Air, Terengganu (MTDI) dengan menjadikan MTDI keluarga angkat Yayasan Muslimin bagi membantu pencarian dana untuk keperluan MTDI. Yayasan Muslimin berkerjasama dengan Koperasi Muslimin Malaysia Berhad dalam urusan ini.
- Membantu pusat-pusat tahfiz seluruh Malaysia dalam usaha pencarian dana untuk keperluan pusat-pusat tersebut. Aktiviti ini dikelola melalui program 'Tahfiz Care'.

Aktiviti Penganjuran Kelas dan Kursus Untuk Masyarakat

Yayasan Muslimin juga menganjurkan kursus/seminar untuk masyarakat umum seperti berikut:

- Kelas Tadabbur al-Quran dengan tenaga pengajar dalaman/ luar.
- Kursus sembelihan penganjuran bersama Persatuan Ulama` Malaysia.
- Seminar pusaka pengajuran bersama Persatuan Ulama Malaysia.



Program Kebajikan Sosial

Kembali Ke Sekolah

- Menyalurkan bantuan keperluan asas kepada pelajar-pelajar yang terdiri daripada golongan miskin dan asnaf.
- Memberi bantuan buku atau kitab agama yang disumbangkan melalui Yayasan Muslimin kepada sekolah-sekolah atau pusat-pusat pendidikan.

Bantuan Kebajikan Kepada Asnaf

- Menyalurkan bantuan one-off untuk keperluan rumah-rumah kebajikan atau penjagaan warga emas. Bantuan yang disalurkan berbentuk wang tunai ataupun peralatan dan ubat-ubatan.
- Aktiviti bulanan Cakna Rasa yang menyalurkan bantuan one-off barangan keperluan dapur dan wang tunai kepada asnaf.

Tabung Kemasyarakatan / Misi Kemanusiaan

- Mewujudkan tabung bantuan kemanusiaan bagi mangsa ditimpa bencana atau melapetaka sama ada rakyat tempatan mahupun antarabangsa.

Korban

- Menguruskan aktiviti ibadah korban untuk diaghkan kepada golongan asnaf.



Program Kegiatan Ekonomi

Cakna Armalah

Menguruskan bantuan khusus kepada 'armalah' (janda/balu) bagi membolehkan mereka mengusahakan projek ekonomi untuk menyara hidup diri dan anak-anak tanggungan (yang yatim) setelah kehilangan tempat bergantung.

Membantu golongan melalui 3 kategori :

- **Ehsan Armalah** – yakni tabungan untuk membantu keperluan hidup seperti modal awal perniagaan/pengembangan perniagaan, saaran anak-anak OKU, dan sebagainya.
- **Didik Armalah** – yakni suatu tabungan untuk membantu anak-anak armalah seperti bantuan kos peralatan persekolahan dari peringkat prasekolah hingga ke kolej universiti spt laptop
- **OKU Armalah** – yakni tabungan untuk membantu keperluan OKU Armalah seperti peralatan bantuan, perubatan dan seumpamanya.



Rakan Kerjasama Dan Rakan Amal



Koperasi Muslimin
Malaysia Berhad



Persatuan Ulama
Malaysia



Jabatan Kemajuan
Islam Malaysia



Yayasan Taqwa
Wilayah Persekutuan



Jabatan Kemajuan Orang Asli
(Pejabat Kemajuan Orang Asli Daerah
Gombak & Petaling)



Yayasan Amal
Malaysia



Pertubuhan Kebajikan
Islam Malaysia (PERKIM)
(Cawangan Selangor Baru)



Lembaga Zakat Selangor



Majlis Agama Islam
Selangor



Persatuan Belia Masjid
Selangor



Bank Muamalat
Malaysia Berhad



Pertubuhan Kebajikan
Wadah Amar Ma'ruf



Team DOA -
Da'wah Orang Asli

Yayasan Muslimin mengalu-alukan sumbangan masyarakat
bagi membantu mereka yang memerlukan.
Semua sumbangan bolehlah dikreditkan ke akaun:

YAYASAN MUSLIMIN
Bank Islam Malaysia Berhad
No. Akaun: 14041010022124

Sumbangan juga boleh dibuat secara online menerusi laman sesawang:
<https://yayasanmuslimin.org>

Sumbangan dikecualikan daripada Cukai Pendapatan:
Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967.
Warta Kerajaan: 24 September 1992. Bil. 9001-LHDN:1/35/42/51/179-6.3976

YAYASAN MUSLIMIN MALAYSIA BERHAD
11C, JALAN SG 3/17,
PUSAT BANDAR TAMAN SRI GOMBAK,
68100 BATU CAVES, SELANGOR

Tel: 03-6188 4064 / 03-6178 5064
emel: yymb2u@yahoo.com.my
www.yayasanmuslimin.org
Telegram: t.me/yayasanmuslimin
WhatsApp: 011 6469 5277